

(c) Melengkapkan, menyempurnakan dan menyerahkan kerja kursus yang disyaratkan bagi kursus berkenaan;

(d) Tidak dihalang daripada menduduki peperiksaan oleh pihak berkuasa tatatertib IPG berdasarkan peruntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012 – Bahagian V (Tatacara Tatatertib); dan

(e) Telah melaksanakan hukuman yang dikenakan oleh pihak berkuasa tatatertib IPG dan tidak digantung daripada menjadi pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan sebagai satu hukuman yang diputuskan oleh pihak berkuasa tatatertib IPG berdasarkan peruntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012 – Bahagian V (Tatacara Tatatertib).

### 3.2 TIDAK CUKUP KEHADIRAN

3.2.1 Pelajar yang kehadirannya kurang daripada 100% dalam mana-mana kursus yang ada komponen peperiksaan sepanjang semester pengajian tanpa sebab tertentu yang dapat diterima oleh JKPPIPG tidak dibenarkan menduduki peperiksaan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah.

3.2.2 Apabila ketidakhadiran seseorang pelajar untuk sesuatu kursus yang ada komponen peperiksaan melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan jam interaksi yang ditawarkan pada semester itu dan tanpa sebab yang boleh diterima, kes ini perlu

dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk diambil tindakan.

3.2.3 Pelajar yang kehadirannya kurang daripada syarat yang ditetapkan dalam sesuatu kursus yang tidak mempunyai komponen peperiksaan dikehendaki melengkapkan jam kredit.

3.2.4 Jika seseorang pelajar itu mempunyai masalah kesihatan dan tidak memenuhi syarat pada perkara 3.2.1 :

(a) Pelajar hendaklah mengemukakan surat akuan doktor. Surat akuan doktor swasta adalah terhad kepada dua (2) hari berturut-turut sahaja; dan

(b) Jika akuan doktor swasta melebihi lapan (8) hari satu semester pelajar tidak layak untuk menduduki peperiksaan akhir dan akan diberi status ulangan.

3.2.5 Keputusan hukuman Jawatankuasa Tatatertib mesti dipanjangkan kepada JKPPIPG untuk tindakan selanjutnya.

### 3.3 KEHADIRAN SEMASA PEPERIKSAAN

3.3.1 Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan ia masuk sesuatu peperiksaan dan ianya tidak tersekat daripada masuk peperiksaan itu, ia hendaklah masuk peperiksaan itu, melainkan :

(a) mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah untuk tidak menduduki peperiksaan itu; atau